



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KEMASKINI PROSEDUR PENGURUSAN PENGEMBARA YANG TIBA DARI LUAR NEGARA MELALUI VTL, LITB DAN OSC

Pada penghujung tahun 2021, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah memaklumkan mengenai beberapa tindakan pengukuhan pencegahan dan pengawalan COVID-19 bagi pengembara yang tiba di Malaysia dari luar negara, khusus melibatkan pengembara dalam kategori berikut:

- (i) ***Vaccinated Travel Lane (VTL)*** Malaysia-Singapura, bagi kedua-dua laluan udara dan darat;
- (ii) Gelembung Pelancongan Antarabangsa Langkawi (**LITB**);
- (iii) *One Stop Centre (OSC)* untuk pelawat perniagaan jangka pendek;

Selain dari keperluan untuk menjalani ujian PCR COVID-19 dua (2) hari sebelum berlepas dan sewaktu ketibaan di Malaysia, pengembara dari kategori yang dinyatakan di atas adalah tertakluk kepada keperluan untuk:

- Menjalani ujian RTK-Ag atau ujian pantas antigen (kendiri) pada hari ke-2, ke-4 dan ke-6 selepas ketibaan, dimana pengembara terlibat bertanggungjawab untuk melaporkan keputusan ujiannya melalui aplikasi MySejahtera; dan

- Menjalani ujian RTK-Ag atau ujian pantas antigen (profesional) pada hari ke-3 dan ke-5 selepas ketibaan

Begitu juga, ketetapan yang hampir serupa turut dikenakan ke atas pengembara umum yang tiba dari United Kingdom – iaitu mereka perlu menjalani ujian RTK-Ag atau RTK-Ag sendiri pada setiap hari sepanjang tempoh kuarantin wajib dan perlu melaporkan keputusan ujiannya melalui aplikasi MySejahtera.

Berdasarkan penilaian risiko situasi COVID-19 yang dilaksanakan oleh KKM secara berterusan, KKM memutuskan untuk:

- **Menggugurkan keperluan** menjalani ujian RTK-Ag (kendiri) pada hari ke-2, ke-4 dan ke-6 selepas ketibaan bagi pengembara dari kategori (i) hingga (iii);
- **Menggugurkan keperluan** menjalani ujian RTK-Ag (profesional) pada hari ke-3 dan ke-5 selepas ketibaan bagi pengembara dari kategori (i) hingga (iii);
- **Menggugurkan keperluan** menjalani ujian RT-PCR atau RTK-Ag (Profesional) bagi pengembara di bawah LITB sebelum keluar dari Pulau Langkawi; dan
- **Menggugurkan keperluan** menjalani ujian RTK-Ag (kendiri) pada setiap hari sepanjang tempoh kuarantin wajib bagi pengembara umum yang tiba dari United Kingdom.
- **Menggugurkan keperluan** Pegawai Pengiring atau *Liaison Officer* (LO) bagi pelawat perniagaan jangka pendek di bawah MIDA yang menggunakan kemudahan *One-Stop Centre* (OSC) untuk memasuki Malaysia. Namun, mereka masih perlu mengikuti jadual

program terkawal (*controlled itinerary*) yang telah dikemukakan dan diluluskan oleh Jawatankuasa OSC.

Walau bagaimanapun, ujian pengesanan COVID-19 yang perlu dijalani dua (2) hari sebelum berlepas ke Malaysia dan semasa ketibaan di Malaysia **MASIH DIKEKALKAN** seperti protokol sedia ada.

Saya ingin tekankan sekali lagi bahawa prosedur baharu ini HANYA terpakai ke atas pengembara yang memasuki Malaysia melalui program VTL, LITB dan OSC sahaja. Bagi pengembara-pengembara yang BUKAN memasuki Malaysia melalui tiga program yang dinyatakan, prosedur atau protokol sedia ada masih terpakai.

Kemaskini prosedur yang dinyatakan melalui Kenyataan Media ini akan **BERKUATKUASA MULAI 3 MAC 2022**. Justeru, KKM ingin menegaskan semua pengembara yang terlibat supaya bertanggungjawab dengan sentiasa mematuhi arahan serta SOP yang telah ditetapkan. Prosedur pengurusan pengembara yang tiba dari luar negara akan disemak dari semasa ke semasa.

KHAIRY JAMALUDDIN
Menteri Kesihatan Malaysia

28 Februari 2022